



KERAJAAN MALAYSIA

PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN

PPK 2
(Disemak 2025)

SEPTEMBER 2025

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN

PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PPK 2

Pembentangan Penyata Kewangan Kerajaan

Dikeluarkan oleh:

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 1-8, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya.

Tel: 03-88821000

Emel: uppp_pppa@anm.gov.my
Laman web: www.anm.gov.my

KANDUNGAN

<u>Isi Kandungan</u>	<u>Perenggan</u>
Pengenalan	1
Tujuan	2
Skop	3
Latar Belakang	4
Pertimbangan Keseluruhan	5
Komponen Penyata Kewangan Kerajaan	6
Format Pembentangan Penyata Kewangan Kerajaan	7
Maklumat Lain Yang Perlu Didedahkan	8
Tarikh Kuat Kuasa	9

<u>Penyata</u>	<u>Lampiran</u>
Penyata Kedudukan Kewangan	A
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	B
Penyata Prestasi Kewangan	C
Penyata Akaun Memorandum	D

<u>Lampiran kepada Nota</u>	<u>Lampiran</u>
Penyata Perbelanjaan Mengurus	1
Penyata Perbelanjaan Pembangunan	2
Penyata Akaun Memorandum Aset - Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut	3
Penyata Akaun Memorandum Aset - Pelaburan	4
Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Hutang Persekutuan	5
Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Inisiatif Pembiayaan Swasta	6
Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Komitmen Jaminan dan Penyata Penyaluran Geran Bayaran Balik Pinjaman	7
Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Komitmen Pajakan Kewangan	8
Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Komitmen Pampasan	9
Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun	10

1. PENGENALAN

PPK 2 (Disemak – 2025) Pembentangan Penyata Kewangan Kerajaan menggantikan PPK 2 (Disemak 2010) berasaskan dasar perakaunan asas tunai ubah suai serta selaras dengan kehendak piawaian perakaunan berasaskan *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS) – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting (Revised 2007)*.

2. TUJUAN

Piawaian ini bertujuan untuk menetapkan format pembentangan penyata kewangan tujuan umum bagi kerajaan yang disediakan selaras dengan kehendak Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

3. SKOP

Piawaian ini hendaklah diguna pakai untuk penyata kewangan tujuan umum yang disediakan berasaskan perakaunan asas tunai ubah suai dan dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang menguruskan akaun Kumpulan Wang Disatukan.

4. LATAR BELAKANG

4.1 Penyediaan penyata kewangan kerajaan adalah untuk melaporkan kedudukan kewangan, aliran tunai dan prestasi kewangan.

4.2 Pembentangan penyata kewangan kerajaan disusun secara seragam bagi menyokong ciri kualitatif pelaporan kewangan, memudahkan pemahaman dan analisis oleh pengguna penyata kewangan.

4.3 Piawaian ini disediakan bagi mematuhi kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Pihak berkuasa kewangan hendaklah menyediakan penyata berikut selepas akhir setiap tahun kewangan:-

4.3.1 Penyata Akaun Hasil Disatukan;

4.3.2 Penyata Akaun Pinjaman Disatukan;

4.3.3 Penyata Akaun Amanah Disatukan;

4.3.4 Penyata Akaun Amanah bagi mana-mana akaun kumpulan wang yang diwujudkan oleh Perlembagaan Persekutuan atau di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] yang tidak diakaunkan dalam Akaun Amanah Disatukan;

4.3.5 Penyata Aset dan Liabiliti Persekutuan atau Negeri; dan

4.3.6 Penyata-penyata lain yang relevan.

5. PERTIMBANGAN KESELURUHAN

Penyediaan penyata kewangan kerajaan perlu mengambil kira aspek pembentangan yang benar dan saksama serta pematuhan kepada piawaian perakaunan kerajaan. Kesaksamaan dalam pembentangan penyata kewangan kerajaan mewajibkan:

- 5.1 pemakaian dasar, prinsip dan andaian perakaunan kerajaan secara konsisten sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) 1;
- 5.2 pembentangan maklumat yang relevan termasuk andaian dalam perakaunan, boleh dipercayai, boleh dibandingkan dan mudah difahami;
- 5.3 pendedahan maklumat *material* jika ada.

6. KOMPONEN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN

Pembentangan penyata kewangan kerajaan mengandungi tujuh (7) komponen berikut:

6.1 Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan / Pegawai Kewangan Negeri dan Akauntan Negara Malaysia / Bendahari Negeri / Akauntan Negeri

Pernyataan ini mengesahkan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting (Revised 2007)*.

6.2 Laporan Akauntan Negara Malaysia / Akauntan Negeri / Bendahari Negeri

Laporan ini mengandungi analisis dan ringkasan penyata kewangan kerajaan bagi tahun kewangan berkenaan.

6.3 Penyata Kedudukan Kewangan

Penyata ini menunjukkan jumlah Wang Awam Kerajaan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

6.3.1 Wang Awam

(a) Wang Tunai

Wang Tunai dibentangkan dalam tiga (3) kategori iaitu:

(i) Wang Tunai Dalam Bank

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan akaun lain yang dikhaskan untuk tujuan tertentu, termasuk simpanan tetap di institusi kewangan bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang.

(ii) Wang Tunai Dalam Perjalanan

Wang Tunai Dalam Perjalanan terdiri daripada wang tunai belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

(iii) Wang Tunai Dalam Tangan

Wang Tunai Dalam Tangan adalah baki Panjar Wang Runcit.

(b) Pelaburan

Pelaburan dibentangkan dalam dua (2) kategori iaitu:

(i) Pelaburan Kumpulan Wang Amanah

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Surat Ikatan Amanah (Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]), Arahan Amanah (Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]) dan peraturan yang berkuat kuasa.

(ii) Pelaburan Am

Pelaburan Am ialah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am ini termasuk urus niaga penukaran seperti pinjaman kepada aset pelaburan.

Pelaburan juga termasuk simpanan tetap bagi tempoh melebihi tiga (3) bulan.

6.3.2 Kumpulan Wang Disatukan

Mengikut Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], tiga akaun berasingan disenggarakan di bawah Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

(a) Akaun Hasil Disatukan

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua terimaan serta Perbelanjaan Mengurus Kerajaan kecuali terimaan dari akaun pinjaman dan amanah.

(i) Hasil

Terimaan hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil, kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Hasil diklasifikasikan mengikut jenis iaitu:-

- Hasil Cukai
- Hasil Bukan Cukai
- Terimaan Bukan Hasil
- Hasil Wilayah Persekutuan

(ii) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan yang diakaunkan dalam Akaun Hasil Disatukan. Perbelanjaan ini ditadbir menurut peruntukan Perkara 98, 100, 101, 102 dan 104 Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 13 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

- Perbelanjaan Tanggungan

Perbelanjaan Tanggungan ialah perbelanjaan khusus yang diperuntukkan mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

- Perbelanjaan Bekalan

Perbelanjaan Bekalan ialah perbelanjaan yang diperuntukkan mengikut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan.

(b) Akaun Pinjaman Disatukan

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan urus niaga pinjaman dan bantuan luar negeri selaras dengan akta berkaitan dan diklasifikasikan kepada dua (2) kategori iaitu Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri.

(i) Pinjaman terdiri daripada:

- Pinjaman Dalam Negeri
- Pinjaman Luar Negeri
- Pinjaman bagi membiayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

(ii) Bantuan Luar Negeri terdiri daripada:

- Pinjaman Multilateral
- Pinjaman Bilateral

(c) Akaun Amanah Disatukan

Akaun Amanah Disatukan mengakaun terimaan dan bayaran berikut:

- (i) Semua wang yang diterima dan dibayar oleh mana-mana Kumpulan Wang Amanah mengikut terma dan peraturan yang dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah selaras (Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]); dan
- (ii) Apa-apa wang yang diamanahkan kepada seseorang pegawai awam, tertakluk kepada kuasa yang diberikan di bawah Arahan Amanah (Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]) serta termasuk penerimaan dan pembayaran wang deposit.

Akaun Amanah Disatukan dikategorikan seperti berikut :-

(i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] terdiri daripada:

- Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan mengakaun terimaan dan perbelanjaan pembangunan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]. Terimaan bagi Kumpulan Wang Pembangunan terdiri daripada caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, Terimaan Balik Pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini, Jualan Aset Modal dan Pelbagai Terimaan. Terimaan dan Perbelanjaan yang dilaporkan tertakluk kepada kesesuaian dan bidang kuasa masing-masing, sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri, melainkan dinyatakan sebaliknya.

- Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan mengakaun terimaan dan bayaran berkaitan dengan kemudahan pinjaman perumahan kepada kakitangan perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan serta kepada ahli Pentadbiran, Perundangan dan Kehakiman mengikut Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [Akta 42].

- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuhkan untuk maksud tertentu dan disenaraikan di Jadual Kedua dan Ketiga Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan merangkumi apa-apa kumpulan wang lain yang diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa untuk maksud tertentu, termasuk bagi pelaksanaan dasar atau inisiatif sementara. Ia tertakluk kepada pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

(ii) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas dan Amanah Am yang mengaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas tertentu atau Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

(iii) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am mengaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai. Deposit Pelarasan ialah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran atau pelarasan dibuat kepada akaun tertentu.

Format Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti di **Lampiran A**.

6.4 Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai

6.4.1 Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai. Kesetaraan tunai merupakan pelaburan untuk tempoh tiga (3) bulan atau kurang yang mudah ditukar kepada wang tunai.

6.4.2 Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai terdiri daripada:

(a) Terimaan

Aliran masuk terimaan utama kerajaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, bantuan luar negeri, terimaan modal dan terimaan lain.

(b) Bayaran

Aliran keluar bayaran utama kerajaan adalah terdiri daripada perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, pinjaman, bantuan luar negeri, perbelanjaan modal dan bayaran lain.

6.4.3 Format Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah seperti di **Lampiran B**.

6.5 Penyata Prestasi Kewangan

Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Penyata ini juga membentangkan sumber pembiayaannya yang melibatkan pergerakan dana dalam Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri, Terimaan Balik Pinjaman, Jualan Aset Modal dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

Format Penyata Prestasi Kewangan adalah seperti di **Lampiran C**.

6.6 Penyata Akaun Memorandum

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan dan liabiliti kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan tetapi perlu dilaporkan sebagai maklumat tambahan.

6.6.1 Memorandum Aset

Memorandum Aset terdiri daripada Akaun Belum Terima dan Pelaburan yang merupakan sebahagian daripada aset kewangan kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan tetapi perlu dilaporkan sebagai maklumat tambahan. Akaun Belum Terima meliputi Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut serta Pelbagai Akaun Belum Terima.

6.6.2 Memorandum Liabiliti

Memorandum Liabiliti terdiri daripada Hutang Persekutuan atau Hutang Negeri, Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti yang merupakan sebahagian daripada liabiliti kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan tetapi perlu dilaporkan sebagai maklumat tambahan. Kategori pelaporan liabiliti ini

tertakluk kepada kesesuaian di peringkat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Hutang Persekutuan terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri, Pinjaman Luar Negeri dan Bantuan Luar Negeri. Komitmen Kewangan merangkumi empat (4) kategori utama iaitu Komitmen Jaminan, Komitmen Pajak Kewangan, Komitmen Bayaran Balik Cukai dan Komitmen Pampasan. Pelbagai Liabiliti terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat.

Komponen liabiliti Kerajaan Negeri boleh disesuaikan mengikut keperluan, struktur dan bidang kuasa negeri masing-masing.

Format Penyata Akaun Memorandum adalah seperti di **Lampiran D**.

6.7 Nota Kepada Penyata Kewangan

6.7.1 Nota Kepada Penyata Kewangan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan kerajaan. Nota ini memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang dibentangkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum. Nota ini mengandungi pendedahan tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

6.7.2 Nota Kepada Penyata Kewangan antaranya mengandungi maklumat mengenai:

- (a) Dasar dan Prinsip Perakaunan
- (b) Pembentangan Penyata Kewangan Kerajaan
- (c) Wang Tunai
- (d) Pelaburan
- (e) Akaun Hasil Disatukan
- (f) Akaun Pinjaman Disatukan
- (g) Akaun Amanah Disatukan
- (h) Memorandum Aset
- (i) Memorandum Liabiliti
- (j) Liabiliti Luar Jangka
- (k) Wang Pendahuluan Kontraktor
- (l) Pendahuluan Dana Pembiayaan Utiliti

6.7.3 Lampiran kepada Nota Kepada Penyata Kewangan terdiri daripada:

- (a) Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus
- (b) Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan
- (c) Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Aset - Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut
- (d) Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Aset - Pelaburan
- (e) Lampiran 5 - Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Hutang Persekutuan
- (f) Lampiran 6 – Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Inisiatif Pembiayaan Swasta
- (g) Lampiran 7 – Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Komitmen Jaminan dan Penyata Penyaluran Geran Bayaran Balik Pinjaman
- (h) Lampiran 8 – Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Komitmen Pajakan Kewangan
- (i) Lampiran 9 – Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Komitmen Pampasan
- (j) Lampiran 10 – Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun

Lampiran ini tertakluk kepada kesesuaian di peringkat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

7. FORMAT PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN

Format pembentangan penyata kewangan kerajaan adalah berdasarkan contoh ilustrasi seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran A hingga D bagi penyata kewangan dan Lampiran 1 hingga 10 bagi Lampiran Nota Kepada Penyata Kewangan. Butiran dalam penyata kewangan dan lampiran boleh disesuaikan mengikut keperluan pelaporan di peringkat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

8. MAKLUMAT LAIN YANG PERLU DIDEBAHKAN

Maklumat lain yang *material* dan boleh memberi impak kepada kedudukan kewangan kerajaan pada tahun kewangan tersebut perlu didedahkan.

9. TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa piawaian ini bermula pada tahun kewangan 2025.

CONTOH ILUSTRASI

Contoh ini hanyalah lampiran dan bukan sebahagian daripada PPK 2.

Lampiran A

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember XXX1

	<u>Nota</u>	<u>XXX1</u> RM	<u>XXX0</u> RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI		xxx,xxx	xxx,xxx
PELABURAN		xxx,xxx	xxx,xxx
		<u>xxx,xxx</u>	<u>xxx,xxx</u>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN		xxx,xxx	xxx,xxx
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN		xxx,xxx	xxx,xxx
AKAUN AMANAH DISATUKAN		xxx,xxx	xxx,xxx
		<u>xxx,xxx</u>	<u>xxx,xxx</u>

Nota-nota pada mukasurat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran B

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember XXX1

TERIMAAN	<u>Nota</u>	XXX1		XXX0	
		RM	RM	RM	RM
Hasil					
Hasil Cukai		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Hasil Bukan Cukai		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Terimaan Bukan Hasil		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Hasil Wilayah Persekutuan		xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Pinjaman					
Dalam Negeri		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Luar Negeri		xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Bantuan Luar Negeri					
Pinjaman Multilateral		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Pinjaman Bilateral		xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Terimaan Modal					
Terimaan Balik Pinjaman		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Jualan Aset Modal		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Pelbagai Terimaan		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Jualan Instrumen Kewangan		xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Terimaan Amanah					
Akaun Amanah PFI II		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Pelbagai		xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Terimaan			xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember XXX1

		XXX1		XXX0	
	<u>Nota</u>	RM	RM	RM	RM
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus					
Emolumen		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Perkhidmatan dan Bekalan		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Aset		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Perbelanjaan Lain		xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Perbelanjaan Pembangunan					
Langsung		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Pinjaman		xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19					
Perbelanjaan COVID-19		xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Pinjaman					
Dalam Negeri		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Luar Negeri		xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Bantuan Luar Negeri					
Pinjaman Multilateral		xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx	
Pinjaman Bilateral		xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan		xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Perbelanjaan Amanah					
Akaun Amanah PFI II					
Pelbagai		xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Bayaran			xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai			xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx
Wang Tunai pada 1 Januari			xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			xxx,xxx.xx		xxx,xxx.xx

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran C

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember XXX1

	<u>Nota</u>	<u>XXX1</u> Anggaran RM	<u>XXX1</u> Sebenar RM	<u>XXX0</u> Sebenar RM
HASIL		xxx,xxx	xxx,xxx	xxx,xxx
<u>Tolak:</u>				
Belanja Mengurus		xxx,xxx	xxx,xxx	xxx,xxx
LEBIHAN/(KURANGAN) HASIL		xxx,xxx	xxx,xxx	xxx,xxx
<u>Tolak:</u>				
Belanja Pembangunan		xxx,xxx	xxx,xxx	xxx,xxx
Belanja Kumpulan Wang COVID-19		xxx,xxx	xxx,xxx	xxx,xxx
LEBIHAN/(KURANGAN) KESELURUHAN		xxx,xxx	xxx,xxx	xxx,xxx
DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri			xxx,xxx	xxx,xxx
Terimaan Balik Pinjaman, Jualan Aset				
Modal dan Pelbagai Terimaan			xxx,xxx	xxx,xxx
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			xxx,xxx	xxx,xxx
JUMLAH PEMBIAYAAN			xxx,xxx	xxx,xxx

Nota-nota pada mukasurat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran D

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember XXX1

	<u>XXX1</u>	<u>XXX0</u>
<u>Nota</u>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
MEMORANDUM ASET		
Akaun Belum Terima	xxx,xxx	xxx,xxx
Pelaburan	xxx,xxx	xxx,xxx
JUMLAH ASET	xxx,xxx	xxx,xxx
MEMORANDUM LIABILITI		
Hutang Persekutuan	xxx,xxx	xxx,xxx
Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta	xxx,xxx	xxx,xxx
Komitmen Kewangan	xxx,xxx	xxx,xxx
Pelbagai Liabiliti	xxx,xxx	xxx,xxx
JUMLAH LIABILITI	xxx,xxx	xxx,xxx

Nota-nota pada mukasurat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Perbelanjaan Mengurus
bagi tahun berakhir 31 Disember XXX1

Maksud Perbelanjaan	Anggaran				Sebenar		Varian
	Asal	Tambahan/ (Kurangan)	Virement Tambah/(Kurang)	Jumlah	Amaun	Prestasi	Kurang/(Lebih) Belanja
	RM	RM	RM	RM	RM	%	RM
PERBELANJAAN BEKALAN B.28 KEMENTERIAN PENGANGKUTAN							
020000 PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN							
020100 Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)							
10000 Emolumen	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
20000 Perkhidmatan dan Bekalan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
30000 Aset	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
40000 Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
50000 Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah 020100	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
020200 Pengangkutan Laut							
10000 Emolumen	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
20000 Perkhidmatan dan Bekalan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah 020200	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
020300 Pengangkutan Jalan							
10000 Emolumen	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
20000 Perkhidmatan dan Bekalan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah 020300	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
020400 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah (LPKP Sabah)							
10000 Emolumen	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
20000 Perkhidmatan dan Bekalan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah 020400	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Emolumen	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Perkhidmatan dan Bekalan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Aset	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah 020000	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Emolumen	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Perkhidmatan dan Bekalan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Aset	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xx.xx	xxx,xxx.xx

Lampiran 2

**Penyata Perbelanjaan Pembangunan
bagi tahun berakhir 31 Disember XXX1**

Maksud Perbelanjaan	Kos Keseluruhan	Perbelanjaan Sebenar RMKe-X Hingga 31.12.XXX0	Anggaran Tahun XXX1			Perbelanjaan Sebenar XXX1			Perbelanjaan Sebenar RMKe-X Hingga 31.12.XXX1
			Cara Langsung	Pinjaman	Jumlah	Cara Langsung	Pinjaman	Jumlah	
P.06 JABATAN PERDANA MENTERI			<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
00100 Kajian –kajian Kemungkinan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
00102 Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
00103 Pembangunan Tanah Adat Sabah dan Sarawak	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
00104 Penyusunan Semula Masyarakat	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
00106 <i>Inter-state Development</i>	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
00107 <i>Southern Johor Development</i>	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
00113 Pembangunan Lima Koridor	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
00115 Peruntukan Tambahan Sabah	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
00116 Peruntukan Tambahan Sarawak	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
00120 Pendidikan dan Latihan bagi <i>School Drop-out</i>	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
00200 Program MTCP	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
00300 Institut Latihan Statistik	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
00900 Bantuan Teknik dan Perunding	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
01000 Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah (P)	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
01200 Taman Teknologi Sarawak	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
02700 Menaik Taraf Masjid W. Persekutuan Kuala Lumpur	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
03000 Pembangunan Pulau Layang-layang	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
03200 Markas SMART dan ILPBN	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
03400 Kompleks Latihan Islam/Tahfiz/Pusat Komuniti Orang Asli	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
03600 Projek Pembinaan Pagar Keselamatan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH JABATAN PERDANA MENTERI	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx

Lampiran 3

**Penyata Akaun Memorandum Aset - Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut
pada 31 Disember XXX1**

<i>Peminjam</i>	<i>Baki Pinjaman Mengikut Kumpulan Wang</i>		<i>Baki Belum Selesai pada</i>	
	<i>Pembangunan</i>	<i>Amanah</i>	<i>XXX1</i>	<i>XXX0</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
PINJAMAN:				
I. KERAJAAN NEGERI				
Johor	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Kedah	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Kelantan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Melaka	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Negeri Sembilan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Pahang	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Perak	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Perlis	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Pulau Pinang	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Sabah	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Sarawak	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Selangor	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Terengganu	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
<i>Jumlah Kerajaan Negeri</i>	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
II. BADAN BERKANUN				
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Lembaga Lebuhraya Malaysia	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Lembaga Pelabuhan Kelang	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Majlis Amanah Rakyat	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
<i>Jumlah Badan Berkanun</i>	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH PINJAMAN	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
PENDAHULUAN:				
KERAJAAN NEGERI				
Kelantan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Melaka	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Pahang	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Perlis	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Pulau Pinang	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Terengganu	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH PENDAHULUAN	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH PINJAMAN DAN PENDAHULUAN BOLEH DITUNTUT	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx

Lampiran 4

**Penyata Akaun Memorandum Aset - Pelaburan
pada 31 Disember XXX1**

Entiti	Modal Saham Diterbitkan/Dibayar	Pegangan			Nilai Buku	
		Perihal	Nilai Nominal	%	XXX1	XXX0
AGENSI ANTARABANGSA	RM		RM		RM	RM
International Finance Corporation	USD xxx,xxx.xx	xxx,xxx saham USDxx.xx	USDxxx,xxx. xx	xx.x	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
<i>Jumlah Agensi Antarabangsa</i>					xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
BADAN BERKANUN						
Bank Negara Malaysia	xxx,xxx.xx	Modal	xxx,xxx.xx	xx.x	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Bank Simpanan Nasional	xxx,xxx.xx	Modal	xxx,xxx.xx	xx.x	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Lembaga Pelabuhan Klang	xxx,xxx.xx	Modal	xxx,xxx.xx	xx.x	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	xxx,xxx.xx	Modal	xxx,xxx.xx	xx.x	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Perbadanan Aset Keretapi	xxx,xxx.xx	Modal	xxx,xxx.xx	xx.x	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
<i>Jumlah Badan Berkanun</i>					xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
SYARIKAT						
Aerospace Technology Systems Corporation Sdn. Bhd.	xxx,xxx.xx	xxx,xxx saham keutamaan RMx.xx	xxx,xxx.xx	xx.x	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
AES Solutions Sdn. Bhd.	xxx,xxx.xx	xxx,xxx saham biasa RMx.xx	xxx,xxx.xx	xx.x	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Amanah Raya Berhad	xxx,xxx.xx	xxx,xxx saham biasa RMx.xx	xxx,xxx.xx	xx.x	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
ASEAN Potash Mining Public Co. Ltd.	xxx,xxx.xx	xxx,xxx saham biasa THBx.xx	xxx,xxx.xx	xx.x	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Assets Global Network Sdn. Bhd.	xxx,xxx.xx	xxx,xxx saham biasa RMx.xx	xxx,xxx.xx	xx.x	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
		xxx,xxx saham keutamaan RMx.xx	xxx,xxx.xx	xx.x	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
<i>Jumlah Syarikat</i>					xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH PELABURAN					xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx

Lampiran 5

Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Hutang Persekutuan (Pinjaman)
pada 31 Disember XXX1

<i>Perihal</i>	<i>Kadar Faedah</i>	<i>Tarikh Tebusan</i>	<i>Amaun Dibenarkan</i>	<i>Amaun Belum Selesai</i>
DALAM NEGERI	%		RM	RM
BIL PERBENDAHARAAN	Dengan Tawaran	XXX1	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
TERBITAN PELABURAN KERAJAAN				
<u>No. Keluaran</u> <u>Kod Saham</u>				
5/2012 GS 1200 59	x.xxx	xx.xx.20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
1/2013 GT 1300 01	x.xxx	xx.xx.20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
5/2013 GX 1300 01	x.xxx	xx.xx.20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
8/2013 GO 1300 71	x.xxx	xx.xx.20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
9/2013 GS 1300 72	x.xxx	xx.xx.20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Terbitan Pelaburan Kerajaan			xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA				
<u>No. Keluaran</u> <u>Kod Saham</u>				
3/2005 MY 0500 03	x.xxx	xx.xx.20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
2/2006 MX 0600 02	x.xxx	xx.xx.20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
3/2007 MX 0700 03	x.xxx	xx.xx.20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia			xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
SUKUK				
SUKUK PERUMAHAN KERAJAAN				
<u>No. Keluaran</u> <u>Kod Saham</u>				
1/2014 ZN 140001	x.xxx	xx.xx.20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Sukuk Perumahan Kerajaan			xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Dalam Negeri			xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
LUAR NEGERI				
PINJAMAN PASARAN				
2015 Sovereign Sukuk USD 0.5 Bilion	x.xxx	xx.xx.20xx	USDxxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
2016 Sukuk Global USD 0.5 Bilion	x.xxx	xx.xx.20xx	USDxxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
2019 Bon Samurai JPY 200 Bilion	x.xxx	xx.xx.20xx	JPYxxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Pinjaman Pasaran				xxx,xxx.xx
Jumlah Luar Negeri				xxx,xxx.xx
JUMLAH PINJAMAN				xxx,xxx.xx

Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Hutang Persekutuan (Bantuan Luar Negeri)
pada 31 Disember XXX1

<i>Perihal</i>	<i>Kadar Faedah</i>	<i>Tarikh Tebusan</i>	<i>Amaun Dibenarkan Mata Wang Asing</i>	<i>Jumlah Terkumpul Keluaran Mata Wang Asing</i>	<i>Jumlah Terkumpul Bayaran Balik Mata Wang Asing</i>	<i>Amaun Belum Selesai Mata Wang Asing</i>	<i>Amaun Belum Selesai Ringgit Malaysia</i>
PINJAMAN MULTILATERAL	%						RM
<i>Bank Pembangunan Islam</i>			ISD	ISD	ISD	ISD	
2006 2-MA-100 Universiti Islam Antarabangsa Fasa II	x.xxx	20xx/20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
2006 2-MA-101 Universiti Malaysia Sabah Fasa II	x.xxx	20xx/20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
2009 2-MA-103 Universiti Sains Malaysia	x.xxx	20xx/20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
<i>Jumlah Pembangunan Islam</i>			xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH PINJAMAN MULTILATERAL							xxx,xxx.xx
PINJAMAN BILATERAL							
<i>Kerajaan Sepanyol - ICO</i>			USD	USD	USD	USD	
2002 Institut Sepanyol Malaysia	x.xxx	20xx/20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
<i>Jumlah Kerajaan Sepanyol - ICO</i>			xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
<i>Kerajaan Kanada</i>			CAD	CAD	CAD	CAD	
1984 Sistem Perkhidmatan Pelanggan Secara Automatik	x.xxx	20xx/20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
<i>Jumlah Kerajaan Kanada</i>			xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
<i>Japan International Cooperation Agency</i>			JPY	JPY	JPY	JPY	
1999 MXVII-1 Dasar Pandang Ke Timur	x.xxx	20xx/20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
1999 MXVII-2 Projek Empangan Beris	x.xxx	20xx/20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
1999 MXVII-2A Projek Empangan Beris	x.xxx	20xx/20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
<i>Jumlah Japan International Cooperation Agency</i>			xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH PINJAMAN BILATERAL							xxx,xxx.xx
JUMLAH BANTUAN LUAR NEGERI							xxx,xxx.xx

LAMPIRAN 6

Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Inisiatif Pembiayaan Swasta
pada 31 Disember XXX1

<i>Agensi/Tranche</i>	<i>Kadar Faedah</i>	<i>Tahun Keluaran</i>	<i>Tahun Matang</i>	<i>Amaun Pinjaman Asal</i>	<i>Amaun Belum Selesai</i>	
					<i>XXX1</i>	<i>XXX0</i>
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	%			RM	RM	RM
- KWSP PFI I	x.xxx	20xx	20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Pembinaan PFI Sdn. Bhd.				xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
MKD Aman Makmur Sdn. Bhd.						
- KWSP PFI IIA	x.xxx	20xx	20xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah MKD Aman Makmur Sdn. Bhd.				xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH LIABILITI INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA				xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx

LAMPIRAN 7

**Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Komitmen Jaminan
pada 31 Disember XXX1**

<i>Agensi</i>	<i>Dalam Negeri</i>	<i>Luar Negeri</i>	<i>Jumlah</i>	
			<i>XXX1</i>	<i>XXX0</i>
Badan Berkanun	RM	RM	RM	RM
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Badan Berkanun	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Syarikat				
1Malaysia Development Berhad	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Danainfra Nasional Berhad	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Govco Holdings Berhad	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Syarikat	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH KOMITMEN JAMINAN	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx

**Penyata Penyaluran Geran Bayaran Balik Pinjaman
pada 31 Disember XXX1**

<i>Agensi</i>	<i>Amaun Penyaluran</i>	
	<i>XXX1</i>	<i>XXX0</i>
PERUNTUKAN MENGURUS	RM	RM
Assets Global Network Sdn. Bhd.	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Peruntukan Mengurus	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
PERUNTUKAN AMANAH		
1Malaysia Development Berhad	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Peruntukan Amanah	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN		
1Malaysia Development Berhad	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Danainfra Nasional Berhad	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Govco Holdings Berhad	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Peruntukan Pembangunan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx

LAMPIRAN 8

**Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Komitmen Pajak Kewangan
pada 31 Disember XXX1**

<i>Perihal</i>	<i>Amaun Belum Selesai</i>	
	<i>XXX1</i>	<i>XXX0</i>
	RM	RM
PAJAKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN		
I. Bangunan		
Jabatan Perdana Menteri	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Kementerian Kewangan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Kementerian Luar Negeri	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Kementerian Perlindungan dan Komoditi	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Pajak Kewangan Bangunan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
II. Kelengkapan dan Peralatan		
Kementerian Kewangan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Kementerian Kesihatan Malaysia	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Pajak Kewangan Kelengkapan dan Peralatan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
III. Kenderaan		
Jabatan Perdana Menteri	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Kementerian Kewangan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Kementerian Luar Negeri	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Pajak Kewangan Kenderaan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Pajak Kewangan Kerajaan Persekutuan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
PAJAKAN KEWANGAN BADAN BERKANUN		
I. Bangunan		
Universiti Teknologi Mara Cawangan Seremban, Negeri Sembilan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Universiti Teknologi Mara Cawangan Pasir Gudang, Johor	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Universiti Teknologi Mara Cawangan Tapah, Perak	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Pajak Kewangan Bangunan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Pajak Kewangan Badan Berkanun	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH KOMITMEN PAJAKAN KEWANGAN	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx

LAMPIRAN 9

**Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Komitmen Pampasan
pada 31 Disember XXX1**

<i>Perihal</i>	<i>Amaun Belum Selesai</i>	
	<i>XXX1</i>	<i>XXX0</i>
Pampasan Konsesi Lebuhraya	RM	RM
Konsesi Lebuhraya	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Pampasan Konsesi Lebuhraya	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai Pendapatan		
Syarikat	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Bukan Syarikat	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai Pendapatan	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH KOMITMEN PAMPASAN	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx

Lampiran 10

Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun
pada 31 Disember XXX1

Agensi	Dalam Negeri	Luar Negeri	Jumlah	
			XXX1	XXX0
JAMINAN PENCARUM / PENDEPOSIT	RM	RM	RM	RM
Bank Simpanan Nasional	xxx,xxx.xx	-	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	xxx,xxx.xx	-	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Lembaga Tabung Haji	xxx,xxx.xx	-	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	xxx,xxx.xx	-	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH JAMINAN PENCARUM / PENDEPOSIT	xxx,xxx.xx	-	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JAMINAN PINJAMAN				
Badan Berkanun				
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	xxx,xxx.xx	-	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Perbadanan PR1MA Malaysia	xxx,xxx.xx	-	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Badan Berkanun	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Syarikat				
1Malaysia Development Berhad	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	xxx,xxx.xx	-	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Danainfra Nasional Berhad	xxx,xxx.xx	-	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Govco Holdings Berhad	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
Jumlah Syarikat	xxx,xxx.xx	-	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH JAMINAN PINJAMAN	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx
JUMLAH JAMINAN	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx	xxx,xxx.xx